

SOALAN NO. : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LIHAN JOK

TARIKH : 13 APRIL 2015

SOALAN :

Datuk Lihan Jok minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sungai-sungai yang paling tercemar dan hampir "mati" di Sarawak dan tindakan oleh Kerajaan untuk memulihkan sungai yang terbabit.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Laporan Kualiti Air Sungai yang dikeluarkan oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak, sungai-sungai di Sarawak paling tercemar dan hampir "mati" ialah Sungai Bintangor, Sg. Maong, Sungai Padungan, Sg. Sekama, Sg. Tabuan dan Sg. Miri.

Di dalam Rancangan Malaysia Ke-10, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah menjalankan kerja-kerja pemulihan bagi 2 batang sungai yang tercemar menerusi program Satu Negeri Satu Sungai iaitu di Lembangan Sungai Bintangor di Kuching dan Lembangan Sungai Miri di Miri. Kerja-kerja pemulihan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- 1) Mengorek dasar sungai daripada kelodak dan mendapan;
- 2) Membina dan menaik taraf kolam takungan/ rawatan;
- 3) Membina dan menaik taraf perangkap sampah, sisa makanan, minyak dan gris; dan
- 5) Kajian pemodelan kualiti air sungai.

Kerja-kerja pemulihan sungai-sungai lain juga dijalankan dari semasa ke semasa menerusi agensi-agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran

Sarawak, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak serta Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian terima kasih.